KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

# MANUAL PENGGUNA (IBU BAPA/PENJAGA)
# SISTEM PERMOHONAN
# E-PRASEKOLAH




BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH HARIAN

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## PERMOHONAN KEMASUKAN KE PRASEKOLAH KPM DAN MANUAL PENGGUNA SISTEM E-PRASEKOLAH

**SILA BACA MANUAL INI DENGAN TELITI SEBELUM MEMBUAT PERMOHONAN**

**PERHATIAN :**

Bagi melancarkan permohonan, ibu bapa/penjaga dinasihatkan untuk menggunakan *web browser* Google Chrome.

### TARIKH PERMOHONAN

a. Secara Dalam Talian : 1 Mac 2020 hingga 30 April 2022

b. Secara Manual Melalui Sekolah Dimohon : 1 Mac 2020 hingga 31 Mei 2022

### SYARAT PERMOHONAN KEMASUKAN

a. Kanak-kanak warganegara Malaysia sahaja

b. Kanak-kanak yang lahir pada 2 Januari 2017 hingga 15 Januari 2019 sahaja yang layak untuk memohon.

### PEMILIHAN SEKOLAH

Pemohon hanya dibenarkan untuk memohon **satu** pilihan sekolah sahaja.

### PEMILIHAN MURID

Pemilihan murid dilaksanakan di peringkat sekolah melalui Jawatankuasa Pemilihan Murid Prasekolah dan keputusan adalah muktamad.

### PROSES PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN



## PROSES PERMOHONAN SECARA MANUAL




## SEMAK KEPUTUSAN PERMOHONAN

a. Secara Dalam Talian

Semakan boleh dibuat melalui laman sesawang **https://eprasekolah.moe.gov.my** mulai 5 Ogos 2022 (tertakluk kepada pindaan).

b. Secara Manual Melalui Sekolah Dimohon

Semakan boleh dibuat melalui sekolah yang dimohon mulai 5 Ogos 2022 (tertakluk kepada pindaan).

## RAYUAN PERMOHONAN

a. Bagi permohonan yang tidak berjaya, ibu bapa/penjaga boleh mengemukakan rayuan melalui laman sesawang https://eprasekolah.moe.gov.my **dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan diumumkan**.

b. Bagi ibu bapa/penjaga yang mengemukakan permohonan secara manual, rayuan boleh dikemukakan sama ada di sekolah yang dimohon atau Pejabat Pendidikan Daerah(PPD)/Pejabat Pendidikan Wilayah(PPW) atau Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bagi negeri yang tiada PPD/PPW.

c. Keputusan rayuan boleh disemak melalui laman sesawang **https://eprasekolah.moe.gov.my** mulai 10 September 2022 (tertakluk kepada pindaan).

d. Bagi rayuan secara manual, semakan keputusan boleh dibuat di tempat rayuan dihantar. Ibu bapa/penjaga juga akan dimaklumkan oleh pihak sekolah yang berkenaan bagi rayuan yang berjaya.

## MANUAL PENGGUNA PERMOHONAN KEMASUKAN KE PRASEKOLAH KPM

Fungsi sistem E-Prasekolah

a. Permohonan Ke Prasekolah KPM
   i. Borang permohonan
   ii. Semak dan kemas kini permohonan
   iii. Rayuan permohonan

**b.** Kemaskini maklumat pengguna **(pastikan email dikemas kini berdasarkan email terkini yang aktif)**

c. Carian maklumat institusi prasekolah yang berdaftar dengan KPM

d. Semak status pendaftaran murid

e. Meja Bantuan (Bantuan / Soalan Lazim)

Nota: Setiap pengguna perlu mendaftar untuk menggunakan sistem ini.

Layari **https://eprasekolah.moe.gov.my** dan log masuk dengan menggunakan ID dan kata laluan yang telah didaftarkan.



## Tatacara Permohonan Dalam Talian

a. Layari laman sesawang **https://eprasekolah.moe.gov.my** sama ada melalui komputer atau telefon pintar




b. Daftar Pengguna bagi pengguna baharu







Nota:

i. Pastikan maklumat yang didaftarkan adalah maklumat ibu bapa/penjaga

ii. Pastikan nama yang didaftarkan adalah nama penuh dan no mykad yang betul bagi mengelakkan sebarang masalah ketika pendaftaran.

iii. Pastikan pengguna mengingati katalaluan dan tidak mendedahkan katalaluan kepada orang lain.

iv. Pastikan alamat email dan nombor telefon yang didaftarkan adalah aktif.

c. Lupa Kata Laluan












d. Log masuk




e. Permohonan Kemasukan ke Prasekolah KPM









Nota:

i. Maklumat yang dipaparkan adalah berdasarkan maklumat dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

ii. Bagi Mykid yang tiada rekod dalam JPN, ibu bapa/penjaga perlu melengkapkan maklumat yang diperlukan




Nota :

Alamat yang dipaparkan adalah berdasarkan maklumat dari Jabatan Pendaftaran Negara (JPN). Ibu bapa/penjaga mesti mengemas kini berdasarkan alamat semasa pemohon.




Nota : Pada ruangan pendapatan ibu bapa/penjaga (jika berkaitan), sila isikan angka “0.00” jika tiada pendapatan




Nota : Kanak-kanak yang memohon juga mesti dimasukkan dalam maklumat tanggungan ibu

bapa/penjaga.

---










Nota : Setiap pemohon hanya dibenarkan untuk memohon satu sekolah sahaja




Nota: Ibu bapa/penjaga disarankan untuk membuat semakan maklumat sebelum hantar permohonan.

f. Semakan dan Cetakan / Kembali ke Laman Utama




Nota :

i. Permohonan yang telah lengkap **perlu dicetak dan dihantar ke sekolah yang dimohon selewat-lewatnya 31 Mei 2022 berserta dokumen** yang berkaitan.

## g. Semakan dan kemas kini permohonan melalui Laman Utama







Nota:

Status adalah merujuk kepada status permohonan sama ada;

i. **Menunggu Pengesahan**→Cetakan borang permohonan dan salinan dokumen belum dihantar dan diterima oleh pihak prasekolah/dokumen permohonan sedang disemak.

ii. **Tidak Lengkap**→ Permohonan/dokumen tidak lengkap sila rujuk email dan kemas kini maklumat yang berkenaan/hubungi sekolah yang dimohon untuk maklumat lanjut.

iii. **Disahkan**→Borang permohonan telah diterima dan salinan dokumen telah disahkan oleh pihak prasekolah untuk diproses dan dibawa ke mesyuarat pemilihan.

iv. **Berjaya**→Permohonan telah berjaya dan ditawarkan tempat di prasekolah yang dimohon. Sila cetak surat tawaran.

v. **Tidak Berjaya**→Permohonan tidak berjaya dan boleh membuat rayuan.




Nota:

i. Kemas kini permohonan boleh dibuat selagi permohonan berstatus MENUNGGU PENGESAHAN (tindakan pengesahan **BELUM** dibuat oleh pihak sekolah).

**ii. Permohonan yang berstatus TIDAK LENGKAP perlu dikemas kini semula oleh ibu bapa/penjaga selewat-lewatnya 31 Mei 2022**. **Permohonan yang TIDAK LENGKAP tidak akan diproses.**

iii. Ibu bapa/penjaga **perlu mencetak dan menghantar semula borang permohonan sekiranya membuat sebarang pindaan maklumat dalam sistem**.

iv. Setelah permohonan disahkan oleh pihak sekolah, pemohon hanya dibenarkan untuk mencetak borang permohonan sahaja.

v. Sekiranya terdapat perubahan maklumat setelah permohonan disahkan oleh pihak sekolah, ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan kepada pihak sekolah maklumat yang berkaitan untuk dikemaskini.



**g. Semak Keputusan setelah diumumkan**

Pastikan id pengguna dan katalaluan yang diguna untuk membuat semakan adalah id dan katalaluan yang sama semasa permohonan dibuat.






Semakan Permohonan

| Nama | Mykid | Tarikh Mohon | Sekolah Dimohon | Status | Tindakan |
|---|---|---|---|---|---|
| YOW ROU YU | 130XXXXXXXXX | 28/04/2017 | SJK(C) CHUNG HUA MANTIN **(NBC4062)** | Berjaya<br>Cetak Surat | |



**SK BANIR ( ABA0003 )**
KG. BANIR,TAPAH ROAD,BATANG PADANG
35400 TAPAH
PERAK
Telefon : 05-4270085 / Faks : 05-4270085

Ruj. Kami : SKBANIR.3//2/4 JLD 2 ( )
Tarikh : 05/08/2017

ABDULLAH
AMPANG
432 AMPANG
SELANGOR

Tuan,

**TAWARAN KEMASUKAN KE KELAS PRASEKOLAH TAHUN 201**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pe...an Mu...elah bers...ju menawarkan tempat kepada anak/anak jagaan tuan **ABDULLAH** (No. Mykid : **1203...5679**) di ke...olah **SK BANIR**.

3. Sehubungan dengan itu, tuan bersama-sama anak/anak ...aan diminta hadir untuk mendaftar dan mengikuti sesi taklimat seperti butiran yang berikut:

**Tarikh : 02 Januari 201... (...lasa)**
**Masa : 8 : 00 PAGI**
**Tempat : DEWAN SETIA**

4. Kegagalan tuan menda...kan an...nak j...n adalah dianggap tidak berminat dan menolak tawaran ini. Kerjasama dan perhatian tu... didahului de...an uc...an terima kasih.

Sekian.

**"SEHATI SEJIW...**
**"BERKHIDMAT U...UK NEGAR..."**

Saya yang menurut perintah,

(Guru Besar)
SK BANIR

*Ini adalah cetakan komputer dan tidak memerlukan tandatangan*

## Tatacara Permohonan Rayuan

Permohonan Rayuan **bermula 5 Ogos hingga 20 Ogos 2022** (tertakluk kepada pindaan).

Bagi permohonan secara dalam talian, permohonan rayuan boleh dibuat sendiri oleh ibu bapa/penjaga melalui laman E-Prasekolah (Pastikan id pengguna dan katalaluan yang diguna untuk membuat rayuan adalah id dan katalaluan yang sama semasa permohonan dibuat) atau melalui sekolah/institusi yang dipohon semasa permohonan awal atau PPD/PPW/JPN.

Bagi permohonan secara manual, permohonan rayuan boleh dibuat oleh ibu bapa/penjaga melalui sekolah/institusi yang dipohon semasa permohonan awal atau melalui PPD/PPW/JPN.

### Rayuan Secara Dalam Talian









**Bantuan Helpdesk**

a. Jabatan Pendidikan Negeri (Unit Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Prasekolah)

b. Pejabat Pendidikan Daerah / Pejabat Pendidikan Wilayah (Pegawai Prasekolah)

**Atau**

Sila kemukakan sebarang pertanyaan melalui emel kepada Jabatan Pendidikan Negeri yang berkenaan

| Unit Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan Prasekolah | Alamat Emel |
|---|---|
| JPN Johor | eprasekolah.johor@moe.gov.my |
| JPN Kedah | epra.kedah@moe.gov.my |
| JPN Kelantan | prasekolah.kelantan@moe.gov.my |
| JPN Melaka | epra.melaka@moe.gov.my |
| JPN Negeri Sembilan | jpnn9.eprasekolah@moe.gov.my |
| JPN Pahang | epra.pahang@moe.gov.my |
| JPN Perak | jpnperak.upkk@moe.gov.my |
| JPN Perlis | eprasekolah.perlis@moe.gov.my |
| JPN Pulau Pinang | eprasekolah.pp@moe.gov.my |
| JPN Sabah | prasekolah.jpnsabah@moe.gov.my |
| JPN Sarawak | prasek.jpnswk@moe.gov.my |
| JPN Selangor | selangor.epra@moe.gov.my |
| JPN Terengganu | upra.jpnt@moe.gov.my |
| JPWP Kuala Lumpur | jpwpkl.epra@moe.gov.my |
| JPWP Labuan | eprasekolah.wplabuan@moe.gov.my |
| JPWP Putrajaya | eprasekolah.putrajaya@moe.gov.my |

Jika mempunyai aduan berkenaan sistem sila emelkan kepada:

eprasekolah@moe.gov.my

Sila nyatakan nombor MyKid anak dan nombor MyKad pemohon (Ibu Bapa/Penjaga) dalam email tersebut.